



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKTOR PADI PERLU ANJAKAN STRUKTUR DEMI TINGKATKAN HASIL, RENCANA, BH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	JELAJAH LIMA NEGARA DEMI SACHA INCHI, K2, KOSMO -22	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	VETERINARIANS DO PROVIDE AN ESSENTIAL SERVICE TOO, VIEWS, THE STAR -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	LALAT: EMPAT LADANG TERNAKAN AYAM DIARAH PATUHI SOP, DALAM NEGERI, UM -33	
5.	12 PEMANCING CEROBOK TAMAN LAUT, NEGERI JOHOR/TERENGGANU, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	TEMBIKAI LARIS DI TERENGGANU SEPANJANG RAMADHAN, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	REZEKI PENIAGA TEMBIKAI BERLIPAT GANDA WAKTU RAMADHAN, HAKARAH DAILY -ONLINE	
8.	'TIMUN CINA' LARIS BILA PUASA, LOKAL, HM -11	
9.	INCOME BOOST FOR WATERMELON FARMERS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4	
10.	WATERMELON IS 'KING OF FRUITS' DURING FASTING MONTH, NATION, THE STAR -8	
11.	MENTERI AKUI HARGA AYAM NAIK KERANA PENINGKATAN KOS MAKANAN, MALAYSIA KINI -ONLINE	LAIN-LAIN
12.	HARGA AYAM NAIK: KPDNHEP BERUNDING DENGAN MAFI TAMBAH PERMIT IMPORT, BH -ONLINE	
13.	KERAJAAN TIMBANG KELUAR AP AYAM, DALAM NEGERI, UM -6	
14.	12 IETEMS UNDER PRICE CONTROL, NEWS/NATION, NST -8	
15.	12 BARANGAN KAWALAN AIDILFITRI DIUMUM, NEGARA, KOSMO -2	
16.	KERAJAAN ANCAM TAMBAH IMPORT AYAM, MUKA DEPAN, KOSMO -1	
17.	'TURUN HARAGA ATAU KAMI IMPORT AYAM', NEGARA, KOSMO -2	
18.	AYAM MAHAL, MUKA DEPAN, UM -1	
19.	KAWALAN HARGA DIAWALKAN, DALAM NEGERI, UM -6	
20.	MONOPOLI PEMBEKAL SIMPAN STOK PUNCA HARGA NAIK, NASIONAL, BH -8	
21.	12 JENIS BARANG DI BAWAH HARGA MUSIM PERAYAAN, NASIONAL, BH -8	
22.	BINCANG TAMBAH PERMIT IMPORT AYAM, NASIONAL, BH -8	
23.	12 BARANGAN KAWALAN SEMPENA AIDILFITRI, NASIONAL, SH -6	
24.	HARGA AYAM STANDART RM7.90 SEKILOGRAM, NASIONAL, SH -6	
25.	KPDNHEP BINCANG TAMBAH AP DENGAN MAFI, NASIONAL, SH -6	
26.	PERTIMBANG LAKSANA AWAL SHMMP DEMI KEPENTINGAN UMUM, LOKAL, HM -18	
27.	PEMBEKAL SIMPAN STOK BARANG BASAH, LOKAL, HM -18	
28.	'BUKAN SAMPAI RM12', LOKAL, HM -18	
29.	BAKAL BINCANG TAMBAH AP AYAM, LOKAL, HM -18	
30.	TUJAI 20,000 BIJI NANAS COBEK SETAHUN, NEGARA, KOSMO -14	
31.	THE FUTURE OF FOOD SECURITY, POSTGRADUATE, THE STAR -8	
32.	PLANT YOUR VEGGIES TO SAVE MONEY, EVENTS, THE STAR -7	
33.	DURIAN CHENNAI CECAH RM100 SEBIJI, NEGARA, KOSMO -3	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sektor padi perlu anjakan struktur demi tingkatkan hasil



Felo Kanan Institute for Democracy and Economic Ideas (IDEAS) dan Ketua Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Akademi Profesor Negara

Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Citra sektor padi dan beras hampir sama tahun demi tahun, merentasi lima dekad. Negara mencapai sasaran tahap sara diri (SSL), iaitu berlegar antara 65 hingga 75 peratus, namun 90 peratus petani berada dalam golongan B40.

Nilai subsidi input dan output diagihkan meningkat tiga kali ganda, tetapi prestasi hasil dan pengeluaran padi hampir mendatar.

Hampir tiga perempat nilai pengeluaran padi ditanggung pembayar cukai dan hampir separuh belanjawan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) disalurkan untuk sektor ini. Nyata impak tidak sebesar belanja.

Sektor ini dilindungi lima dekad daripada pasaran antarabangsa dengan kawalan harga pada tahap sawah dan runcit, monopoli ke atas import serta subsidi input dan output diperuntukkan sebagai insentif kepada petani untuk terus dalam pengeluaran.

Strategi ini adalah wahana mencapai matlamat tiga serampang; harga tinggi kepada pengeluar dan stabil kepada pengguna dan sasaran SSL.

Kesan struktur polisi perlindungan ini terjanka menurut pengalaman negara lain dan literatur ekonomi. Apabila dilindungi dan dikawal, sektor itu tidak lagi bersaing, berlaku herotan pasaran yang sumber tidak digunakan dengan cekap berbanding pasaran kompetitif.

Kesan di luar jangkaan juga serius seperti margin keuntungan beras tempatan kepada peserta (petani, pengilang dan peniaga) ditentukan (melalui kawalan harga), lantas pasaran tidak dinamik. Margin keuntungan kecil menolak keluar kilang beras kecil daripada pasaran, menjadikan pasaran kilang bergusat.

Kesan lain termasuk inovasi produk hampir sifar, iaitu tidak banyak produk berasaskan padi dan beras dikeluarkan. Produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan padi dan beras hampir tiada.

Di negara lain pelbagai keluaran dijanakan seperti makanan bayi, makanan proses dan minuman, produk kesihatan serta kecantikan, bahan pembinaan dan baja. Nilai tambah adalah perlu untuk memberi nilai tinggi kepada padi.

Tiada pertumbuhan, dinamik industri sifar. Ini kerana tiada rangsangan ekonomi mencukupi kepada petani, pengilang dan peniaga untuk melabur meningkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi.

Isu ini dikupas dalam kajian *Institute for Democracy and Economic Ideas (IDEAS), Effectiveness of State Trading Enterprises in Achieving Food Security: Case Studies of BERNAS in Malaysia and BULOG in Indonesia* (2019).

Situasi ini jauh berbeza di Bangladesh yang sering kita tanggap negara terbelakang. Setelah sektor padi dan beras mereka distruktur semula (pada 1990) daripada kongkongan agensi kerajaan kepada sektor bebas dan dipacu pihak swasta, bilangan peniaga meningkat daripada 4,000 dalam 1960-an kepada 48,000 (1990-an).

Bilangan pengilang daripada 6,000 pada 1960-an kepada 20,000 (2020). Nyata, liberalisasi mendinamikan industri ini. Penyertaan sektor swasta membolehkan industri menangani krisis dan kejutan pasaran lebih cekap.



Daripada pengimport, Bangladesh kini pengeksport beras. Vietnam dan China turut membebaskan sektor padi mengikut acuan masing-masing. Kini Vietnam, pengeksport kedua terbesar di dunia selepas mengimport beras sekian lama.

Jika struktur semasa berlarutan, ketidakcekaan akan berterusan seperti sedia kala, jika tidak berganda. Nyata, perubahan struktur diperlukan demi kemajuan pelbagai sudut.

Kajian *IDEAS, Paddy and Rice Sector Policy Roadmap: Towards Equity and Sustainability (2020)* menggariskan hala tuju polisi dan perancangan untuk sektor ini menuju ke arah industri bertumbuh, setara dan lestari.

IDEAS mencadangkan transformasi ke arah separa liberalisasi secara berperingkat supaya licin dan lancar.

Langkah pertama, subsidi input dipakej menjadi subsidi berasaskan output melalui pemberian baucar dalam struktur pasaran semasa. Faedahnya, petani diberi kebebasan membuat keputusan terbaik dalam memilih gabungan input terbaik untuk sawahnya, selepas sekian lama terkongkong.

Lebih efektif, jika agihan input dibuka kepada pelbagai peserta supaya bersaing dan menawarkan harga kompetitif kepada petani. Dengan kaedah ini, kerajaan menjimatkan dana mengurangkan agihan input dan baja dan meminimumkan gejala sosial seperti korupsi dan *rent-seeking* dalam perolehan.

Baucar ini kemudian boleh ditukar kepada pampasan atau bayaran secara langsung kepada petani, di bawah struktur semasa. Nilai bayaran langsung secara terus ini tidak dikaitkan kos pengeluaran atau perbelanjaan tetapi bayaran mengekalkan mereka dalam sektor penanaman padi.

Kaedah ini dilaksanakan di China, Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat (AS), Korea, Mexico dan Turki. Pengalaman negara ini menunjukkan bayaran langsung merangsang petani meningkatkan pengeluaran pertanian yang mereka pilih dengan keuntungan.

Dalam konteks Malaysia, bayaran ini dikenakan syarat, iaitu petani perlu terus bersawah. Selain faedah kebebasan pembuatan keputusan, ia menjimatkan dana kerajaan yang boleh disalurkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan sokongan institusi.

Kajian IDEAS menunjukkan bayaran berlandaskan output dan bayaran langsung tidak menjejaskan petani, malah mereka terus mengeluarkan padi dan menerima pendapatan mencukupi.

Apabila petani mula berdikari mengemudi sawah dengan keputusan sendiri, langkah separa liberalisasi boleh diperkenalkan dengan membuka pasaran import kepada lebih ramai peserta, selain Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan bayaran langsung diteruskan.

Harga di tahap sawah dan runcit dibuka

mengikut harga pasaran. Kajian mencadangkan tarif 20 peratus dikenakan untuk mengurangkan jurang harga import dan tempatan.

Kajian mendapati pada paras harga import RM2,125 per tan, dianggarkan harga padi akan mencapai RM1,308 per tan dan harga pengguna mencecah RM3.80 per kg beras.

Kenaikan harga beras dalam pasaran domestik tidak akan memberi beban besar kepada pengguna kerana rata-rata rakyat berbelanja satu peratus daripada perbelanjaan ke atas beras bernilai RM49 setiap bulan.

Pengguna berada pasti tidak terjejas kecuali pengguna miskin. Maka dalam pasaran bebas kerajaan boleh memberi bantuan kepada pengguna tersasar sahaja sama ada melalui baucar atau kupon secara talian.

Dalam pasaran separa bebas, beban kerajaan minimum kecuali membantu pengguna terpilih. Ini membolehkan kerajaan menjalankan fungsi institusi lebih berkesan terutama meningkatkan kapasiti petani dan industri melalui R&D, pengembangan dan inovasi, institusi sawah seperti koperasi dan mini estet, pendigitalan dan infrastruktur.

Transformasi ini akan membuka lembaran baharu kepada sektor ini yang peserta berfungsi dalam dengan pasaran bersaing dan sokongan mencukupi.

Kajian mencadangkan Lembaga Padi dan Beras ditubuhkan untuk mengemudikan transformasi melalui pembentukan polisi berlandaskan kesepakan kolektif semua peserta pasaran. Komunikasi dua hala penggubal polisi dengan peserta industri mendasari sebarang keputusan polisi.

Semua perubahan berdepan rintangan terutama apabila sektor berada dalam struktur sama puluhan tahun. Perubahan dirancang bersama perlu dilaksanakan untuk mencapai kesatuan dan kesepakan.

Bagi tujuan ini, MAFI memiliki masa cukup untuk melaksanakannya dengan bijak, licin dan bermakna demi kepentingan jaminan bekalan dan sektor padi dan beras dinamik dan kompetitif.

Jelajah lima negara demi sacha inchi

Varia



Oleh NOR AINNA HAMZAH

SORANG lelaki nekad menjelajah ke lima buah negara bagi mempelajari sendiri penanaman pokok sacha inchi atau *Plukenetia volubilis* selepas serasi dengan minyak berasaskan tumbuhan tersebut berkait masalah kesihatan yang dihadapinya lebih tiga tahun lalu.

Chee Tack Kong, 59, berkata, negara pertama yang dikunjungnya ialah Thailand diikuti Laos, China, Vietnam dan Myanmar bagi membolehkannya memilih kaedah terbaik penanaman sacha inchi untuk diusahakan di daerah kelahirannya di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Menurutnya, tumbuhan herba yang berasal dari Hutan Amazon di Peru itu kini ditanam secara komersial olehnya dengan bantuan dua pekerja di tanah seluas 1.6 hektar (empat ekar) dengan anggaran sebanyak 1,500 batang pokok.

"Satu ekar boleh ditanam sekitar 300 ke 400 batang pokok dan pokok ini mula mengeluarkan hasil setelah setahun ditanam. Selepas tiga tahun, pokok yang mempunyai jangka hayat 30 hingga 60 tahun ini akan mengeluarkan lebih banyak hasil.

"Menariknya mengenal tanaman ini ialah setiap yang terhasil daripadanya boleh dimanfaatkan. Sebagai contoh, kacang yang keluar dari pokok boleh dikomersialkan untuk makanan dan juga minyak. Daun pokok sacha inchi pula boleh dicantas dan dijadikan minuman seperti teh untuk tujuan kesihatan," katanya ketika ditemui di Kampung Chenak, Senaling, Kuala Pilah baru-baru ini.

Malah, menurut Tack Kong, dia kini juga sedang mendapatkan khidmat organisasi berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi tujuan penghasilari kosmetik serta sabun berasaskan tumbuhan sacha inchi.

"Saya dah mula tanam sikit-sikit masa tahun 2018 dan awal tahun ini saya mula menghasilkan produk berasaskan sacha inchi di bawah jenama Sachee secara serius.

"Jika saya mampu mendapat manfaat daripadanya, saya percaya lebih ramai boleh dibantu sekiranya minyak ini dapat dijual secara meluas di seluruh negara," katanya.



TACK KONG (Idri) menunjukkan tanaman sacha inchi yang diusahakannya di Kampung Chenak, Senaling, Kuala Pilah.

Menurutnya yang mendapat bimbingan serta bantuan dari Jabatan Pertanian Malaysia, ada negara yang menanam pokok berkenaan dengan membiarkannya merimbun seperti pondok, namun cara berkenaan menyukarkan untuk mengambil hasil kekacang atau daun teh.

"Namun, kaedah rimbunan ini lebih

banyak mengeluarkan hasil. Jadi, saya pilih kaedah seperti kebanyakan tempat di Thailand yang menanam mengikut susunan tertentu secara berbaris.

Menurutnya, dalam tempoh tiga bulan, dia sudah pun mengeluarkan sebanyak 2,000 botol minyak sacha inchi untuk dipasarkan dan setiap bulan dia memerlukan kira-kira 150 kilogram daun sacha inchi untuk diproses menjadi minuman seperti teh.

"Saya memang memerlukan lebih banyak sacha inchi dan atas sebab itu saya ajak dua lagi rakan yang saya kenali sejak sekolah menengah untuk sama-sama menanam tumbuhan ini.

"Selain dua sahabat karib saya, ada empat lagi pengusaha tanaman ini di mana kesemuanya mengusahakan tanaman di daerah ini, manakala seorang lagi di Gemencheh," ujarnya.

Menurutnya, masyarakat di negara ini sudah mula menyedari potensi tumbuhan sacha inchi yang

mudah dijaga dan mempunyai nilai pasaran tinggi untuk bahagian daun, kekacang dan akarnya yang dikatakan kaya dengan Omega 3, Omega 6 dan Omega 9.

"Malah, dalam masa terdekat saya juga merancang untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial (CSR) di tiga buah perkampungan terpilih di daerah ini untuk memberikan lima anak pokok sacha inchi buat penduduk yang berminat.

"Sekiranya mengeluarkan hasil, hasil tersebut boleh dijual kepada saya dan saya hanya ingin berkongsi rezeki dengan masyarakat di daerah kelahiran saya ini," katanya.

Tack Kong menambah, bagi fasa kedua projek tanaman sacha inchi berkenaan, pihaknya kini sedia bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan negeri untuk memajukan tanah seluas 20 hektar (50 ekar) bagi tanaman berkenaan.

"Jika usaha ini berjaya, lebih banyak hasil yang diperolehi dan boleh dikomersialkan dengan lebih giat. Buat masa ini penghasilannya masih belum mencukupi dan saya juga tidak mempromosikan produk secara giat kerana masih belum mampu memenuhi permintaan setempat," katanya yang turut melahirkan beberapa usahawan tani yang bekerjasama dengannya.

Bagi salah seorang usahawan tani sacha inchi, Ana Nafza Karim, 56, berkata, dia mula menanam pokok berkenaan sejak April tahun lalu di Kampung Sungai Dua Besar, Kuala Pilah dan tidak menyangka tanaman berkenaan mampu menjana pendapatan mereka sekeluarga.

"Beberapa tahun lalu, saya berhenti kerja sebagai penjawat awam untuk menjaga mak mertua saya. Jadi, saya dan suami bekerja sendiri bagi memperoleh pendapatan. Bersama Tack Kong kami bekerjasama bagi memenuhi permintaan sacha inchi," katanya yang menyatakan tanaman tidak bermusim ini banyak membantunya untuk tampil cergas dan sihat bagi menguruskan keluarga.



BUAH sacha inchi yang berwarna gelap.

BUAH yang terhasil daripada pokok sacha inchi dijemur terlebih dahulu sebelum diproses menjadi minyak atau kekacang.

Veterinarians do provide an essential service too

SINCE the first movement control order triggered by the pandemic, veterinarians in various fields in Malaysia have been working to uphold the well-being of animals and public health despite the risk of contracting Covid-19.

Behind the scenes, we ensure that sick animals receive prompt treatment, people have enough supply of safe and contamination-free table meats and eggs, and pet owners who spend more time working from home are protected from potential zoonotic diseases.

Given the importance of veteri-

nary services, the World Organisation for Animal Health and the World Veterinary Association advocate for veterinary services to be considered essential.

In Malaysia, although some parties have questioned the "essentiality" of veterinary services during the lockdown, the International Trade and Industry Ministry included veterinary services, along with the agriculture, aquaculture and livestock sectors, as an essential service allowed to operate during the MCO with strict adherence to SOP.

With the Covid-19 vaccines, we see a light of hope to end the pandemic. Phase 1 of the National Covid-19 Immunisation Programme covered the vaccination of frontliners such as public and private healthcare personnel. Defence and security personnel also received the vaccination.

Phase 2 of the programme, which began yesterday, targets senior citizens, people in high-risk groups, and people with disabilities.

However, there has been no mention of veterinarians in either

phase even though the US Centers for Disease Control and Prevention recommends that anyone who provides veterinary services should be prioritised in Covid-19 vaccine distribution plans as front-line essential workers.

Somehow, this is not surprising, as veterinary services in Malaysia are often taken for granted. We provide an essential service but are we frontliners?

DR ANTHONY LEONG ZI PING
DVM, PhD
Kuala Lumpur

20/4/2021

UTUSAN

DALAM NEGERI

SS

MALAYSIA

Lalat: Empat ladang ternakan ayam diarah patuhi SOP

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusanews@mediamulla.com.my

GURUN: Kerajaan negeri mengarahkan empat ladang ternakan ayam di sekitar Kampung Padang Lembu di sini mematuhi prosedur operasi standard ternakan unggas berikutan aduan lebih 2,000 penduduk mengenai gangguan lalat di kediaman mereka yang menimbulkan rasa tidak selesa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan, Perusahaan Perlindungan Komoditi dan Hal Ehwat Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin berkata, pihaknya mendapati lalat yang menimbulkan suasana tidak selesa penduduk di kampung itu berpunca daripada empat buah ladang ayam yang diusahakan secara terbuka di sekitar perkampungan tersebut.

"Saya telah mengarahkan pen-


gusaha ladang ayam terbabit mematuhi syarat di bawah Enakmen Perlindungan Unggas Negeri Kedah untuk keselesaan penduduk berhampiran.

"Pihak berkuasa akan membuat pemantauan berkala untuk memastikan pengusaha ladang ayam itu mematuhi arahan tersebut," katanya selepas mengadakan dialog bersama penduduk kampung berkenaan, semalam," katanya.

Peniaga kedai makan, Ai Pian A/L Lim Ai Choi, 58, berkata, pendapatannya terjejas selepas jumlah pelanggan berkurangan disebabkan premisnya terlalu banyak lalat.

Katanya, masalah semakin serius pada musim hujan, selain masalah bau busuk dan meloyakan.

"Pelanggan tidak selesa makan di kedai saya kerana lalat terlalu banyak dan mengganggu makanan yang dibiidang," katanya semalam.



AZMAN Nasrudin (kiri) menunjukkan sebahagian lalat pada pelekat perangkap lalat di Kampung Padang Lembu, Gurun, Kedah. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA

12 pemancing ceroboh taman laut

Penahanan mereka disebabkan melakukan aktiviti itu di Pulau Aur

Oleh FARAH SHAZWANI

MERSING

Padah memancing di kawasan taman laut, 12 lelaki ditahan ketika melakukan aktiviti itu di perairan Pulau Aur, di sini malam Ahad.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, penahanan itu melibatkan 15 individu membabitkan 12 pemancing, dua tekong dan seorang awak-awak berusia antara 34 hingga 75 tahun dan dua vesel zon A.

Menurutnya, kesemua mereka ditahan oleh penguatkuasa Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor yang

Salah sebuah bot yang ditahan kerana membawa pemancing melakukan aktiviti itu di Taman Laut Pulau Aur, pada Ahad.



FOTO: JABATAN PERIKANAN JOHOR



Sebahagian daripada hasil tangkapan.

melakukan rondaan rutin pemantauan vesel di perairan Johor Timur.

"Vesel pemancing ikan yang pertama di tahan sekitar jam tiga pagi iaitu 0.5 batu nautika dari Pantai Pulau Aur. Ia melibatkan seorang tekong berusia 62 tahun dan enam pemancing berusia antara 49 hingga 75 tahun.

"Sementara vesel kedua ditahan pada jarak 0.6 batu nauti-

ka dari Pantai Pulau Aur, melibatkan seorang tekong berusia 56 tahun, seorang awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia antara 34 hingga 58 tahun.

"Kedua-dua bot dan peralatan menangkap ikan turut disita dan akan disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, terdapat 13 pulau di perairan Mersing yang telah diwartakan sebagai taman laut pada 20 Oktober 1994.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 43, Akta Perikanan 1985 untuk mengambal, mengalih atau memiliki haiwan akuatik dalam kawasan berkenaan.

"Kita ingin mengingatkan nelayan agar sentiasa mematuhi syarat

lesen agar tidak menjejaskan sumber perikanan negara yang perlu diurus secara lestari.

"Taman Laut Johor telah diwartakan di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia mulai 1994 dan diharapkan semua pihak mengambil tahu kepentingan pewujudan taman laut dan tidak sevenang-wenang melanggar peraturan yang telah ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Tembikai laris di Terengganu sepanjang Ramadan



PENIAGA Safi Omar, 68, (kiri) bersama anaknya Muhammad Fuad, 25, menyusun tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun cina' untuk dijual kepada pelanggan ketika ditemui di Batu Enam. FOTO BERNAMA

PENIAGA Safi Omar, 68, (kiri) bersama anaknya Muhammad Fuad, 25, menyusun tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun cina' untuk dijual kepada pelanggan ketika ditemui di Batu Enam. FOTO BERNAMA

Kuala Terengganu: Tradisi penduduk Terengganu yang menjadikan tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun cina' sebagai buah-buahan 'wajib' apabila berbuka puasa membawa rezeki berganda kepada peniaga dan peladang tempatan.

Seorang peladang, Baharudin Ibrahim, 53, berkata berdasarkan pengalamannya selama 15 tahun berkecimpung dalam penanaman tembikai, permintaan akan meningkat dua kali ganda pada Ramadan berbanding bulan biasa.

"Tambahan pula, cuaca panas terik ketika ini menyebabkan tembikai sentiasa laris di pasaran. Kebanyakan peladang biasanya merancang jadual penanaman agar tembikai dapat dituai sepanjang Ramadan.

"Dari segi pasaran, memang tiada masalah kerana saya baru sahaja menandatangani perjanjian jual beli ladang kontrak dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk membekalkan sebanyak 60 tan tembikai kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Terengganu pada Ramadan kali ini," katanya ketika dihubungi Bernama, hari ini.

Ketika ini, Terengganu mempunyai tiga daerah utama yang menjadi pusat pengeluaran hasil tembikai untuk pasaran seluruh negara iaitu Setiu, Besut serta Marang.

Seorang peniaga buah-buahan, Fauzilah Ibrahim, 52, berkata tembikai adalah buah paling laris di gerainya dekat Gong Badak, Kuala Nerus setiap kali Ramadan kerana ia adalah buah kegemaran rakyat Terengganu untuk berbuka puasa.

"Selain rasanya yang sedap, ia sesuai dijadikan jus segar bagi mengembalikan tenaga setelah seharian berpuasa.

"Uniknya orang Terengganu ni, tembikai pun boleh dijadikan 'ulam' untuk dimakan bersama nasi.

"Setakat tujuh hari kita berpuasa, boleh dikatakan permintaan meningkat 20 peratus, ada pelanggan tetap yang memang beli setiap hari kerana stok tembikai saya jual ini adalah baru dituai dari ladang sekitar Kuala Terengganu dan Setiu, jadi buahnya lebih manis dan segar," katanya yang menjual tembikai pada harga RM3 untuk satu kilogram.

Sementara itu, Pengarah Fama Terengganu, Che Ghani Che Wan berkata, pihaknya menandatangani perjanjian jual beli tembikai sebanyak 330 metrik tan untuk memenuhi permintaan dijangka meningkat sepanjang Ramadan kali ini.

"Perjanjian jual beli bernilai lebih RM264,000 ini bertujuan memudahkan petani memasarkan hasil keluaran tembikai di ladang mereka dengan harga stabil, sekali gus mengelakkan ketidakstabilan harga akibat campur tangan orang tengah.

"Pada masa sama, ini akan memastikan bekalan tembikai berkualiti dan mengikut spesifikasi ditetapkan sentiasa mencukupi di pasaran tempatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Rezeki peniaga tembikai berlipat ganda waktu Ramadan



KUALA TERENGGANU: Tradisi penduduk Terengganu yang menjadikan tembikai atau lebih dikenali sebagai 'Timun Cina' sebagai buah-buahan 'wajib' apabila berbuka puasa membawa rezeki berganda kepada peniaga dan peladang tempatan.

Seorang peladang, Baharudin Ibrahim, 53, berkata berdasarkan pengalamannya selama 15 tahun berkecimpung dalam penanaman tembikai, permintaan akan meningkat dua kali ganda pada Ramadan, berbanding bulan biasa.

"Tambahan pula, cuaca panas terik ketika ini menyebabkan tembikai sentiasa laris di pasaran. Kebanyakan peladang pun biasanya sudah merancang jadual penanaman agar tembikai dapat dituai sepanjang Ramadan.

"Dari segi pasaran memang tiada masalah kerana saya baru sahaja menandatangani perjanjian jual beli ladang kontrak dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk membekalkan sebanyak 60 tan tembikai kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu pada Ramadan kali ini," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Ketika ini, Terengganu mempunyai tiga daerah utama yang menjadi pusat pengeluaran hasil tembikai untuk pasaran seluruh negara iaitu Setiu, Besut serta Marang.

Seorang peniaga buah-buahan, Fauzilah Ibrahim, 52, berkata tembikai adalah buah yang paling laris di gerainya dekat Gong Badak, Kuala Nerus setiap kali Ramadan menjelma kerana ia adalah buah kegemaran rakyat Terengganu untuk berbuka puasa.

"Selain rasanya yang sedap, ia juga sesuai dijadikan jus segar bagi mengembalikan tenaga setelah seharian berpuasa... uniknya orang Terengganu ni, tembikai pun boleh dijadikan 'ulam' untuk dimakan bersama nasi.

"Setakat tujuh hari kita berpuasa ni, boleh dikatakan permintaan meningkat 20 peratus... ada juga pelanggan tetap yang memang beli setiap hari kerana stok tembikai yang saya jual ini adalah baru dituai dari ladang sekitar Kuala Terengganu dan Setiu, jadi buahnya lebih manis dan segar," katanya yang menjual tembikai pada harga RM3 untuk satu kilogram.

Sementara itu, Pengarah FAMA Terengganu Che Ghani Che Wan berkata pihaknya telah menandatangani perjanjian jual beli tembikai sebanyak 330 metrik tan untuk memenuhi permintaan yang dijangka meningkat sepanjang Ramadan kali ini.

"Perjanjian jual beli bernilai lebih RM264,000 ini bertujuan memudahkan petani memasarkan hasil keluaran tembikai di ladang mereka dengan harga stabil sekali gus mengelakkan ketidakstabilan harga akibat campur tangan orang tengah.

"Pada masa sama, ini akan memastikan bekalan tembikai yang berkualiti dan mengikut spesifikasi ditetapkan sentiasa mencukupi di pasaran tempatan," katanya. – BERNAMA

20/4/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

11

Kuala Terengganu: Tradisi penduduk Terengganu yang menjadikan tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun Cina' sebagai buah-buahan 'wajib' apabila terbuka puasa membawa rezeki berganda kepada peniaga dan peladang tempatan.

Seorang peladang, Bahardin Ibrahim, 53, berkata, berdasarkan pengalamannya selama 15 tahun berkecimpung dalam penanaman tembikai, permintaan akan meningkat dua kali ganda pada Ramadan, berbanding bulan biasa.

"Tambahan pula, cuaca panas terik ketika ini menyebabkan tembikai sentiasa laris di pasaran. Kebanyakan peladang pun biasanya sudah merancang jadual penanaman agar tembikai dapat dituai sepanjang Ramadan.

"Dari segi pasaran memang tiada masalah kerana saya baru sahaja menandatangani perjanjian jual beli ladang kontrak dengan Kementerian Pertanian dan Industri Ma-

'Timun Cina' laris bila puasa

kanan untuk membekalkan

sebanyak 60 tan tembikai kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Terengganu pada Ramadan kali ini," katanya.

Ketika ini, Te-

Besut serta Marang.

Seorang peniaga buah-buahan, Fauzilah Ibrahim, 52, berkata tembikai adalah buah yang paling laris di gerainya dekat Gong Badak, Kuala Nerus setiap kali Ramadan menjelang kerana ia adalah buah kegemaran rakyat Terengganu untuk berpuasa.

"Selain rasanya yang sedap, ia juga sesuai dijadikan jus segar bagi mengembalikan tenaga selepas seharian berpuasa...uniknya orang Terengganu ni, tembikai pun boleh dijadikan 'ulam' untuk dimakan bersama nasi.

"Setakat tujuh hari kita berpuasa ni, boleh dikatakan permintaan meningkat. 20 peratus...ada juga pelanggan tetap yang memang beli setiap hari kerana stok tembikai yang saya jual ini adalah baru dituai dari ladang sekitar Kuala Terengganu dan Setiu, jadi buahnya lebih manis dan segar," katanya yang menjual tembikai pada harga RM3 untuk satu kilogram.

Sementara itu, Pengarah Fama Terengganu Che Ghani Che Wan berkata, pihaknya sudah menandatangani perjanjian jual beli tembikai sebanyak 330 metrik tan untuk memenuhi permintaan yang dijangka meningkat sepanjang Ramadan kali ini.



PENIAGA, Safi Omar, 68, (kiri) bersama anaknya Muhammad Fuad, 25, menyusun tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun Cina' untuk dijual ketika ditemui di Batu Enam, Terengganu, semalam.

Income boost for watermelon farmers

KUALA TERENGGANU: The tradition of the Terengganu people in treating watermelon, also known as "timun Cina", as a must-have for breaking fast has been a boon to local farmers and traders of the fruit during Ramadan.

Farmer Baharudin Ibrahim, 53, said based on his 15-year experience as a watermelon farmer, the demand for the fruit would double during Ramadan compared with other months. "Usually, most farmers will schedule their planting so that their watermelon crops can be harvested throughout Ramadan.


"There is no problem with marketing because I have just signed a farm sale and purchase agreement with the Agriculture and Food Industries Ministry to supply 60 tonnes of watermelons to the state's Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) for Ramadan," he told Bernama yesterday.

Three districts in Terengganu have been turned into major watermelon cultivation areas for marketing nationwide, namely Setiu, Besut and Marang.

Fruit seller Fauzilah Ibrahim, 52, said watermelon is the best-selling fruit at her stall near Gong Badak, Kuala Nerus, each Ramadan.



Trader Safi Omar, 68, (left) and his son Muhammad Fuad, 25, at their watermelon stall in Batu Enam, Kuala Terengganu yesterday. — **BERNAMA/PIX**



Popular fruit: A worker arranging watermelons for sale in Teluk Pulai, Klang. — KK SHAM/The Star

Watermelon is 'king of fruits' during fasting month

KUALA TERENGGANU: The popularity of watermelon during Ramadan in Terengganu has been a boon for local farmers and traders as many people buy the fruit as a thirst quencher, especially for the breaking of fast.

Baharudin Ibrahim, 53, said based on his 15-year experience as a watermelon farmer, demand for the fruit, popularly called "Timun Cina" here, would double during Ramadan compared to other months.

Furthermore, the current hot weather makes the watermelon highly sought after.

"Usually, most farmers will schedule their planting so that their watermelon can be harvested throughout Ramadan.

"There is no problem regarding marketing because I just signed a contract with the Agriculture and Food Industries Ministry to supply 60 tonnes of watermelon to the state's Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) for Ramadan," he said.

Currently, three districts in Terengganu — Setiu, Besut and Marang — have been turned into major watermelon cultivation areas for nationwide distribution.

Fruit seller Fauzilah Ibrahim, 52, said watermelon was the best-selling fruit at her stall near Gong Badak, Kuala Nerus, each Ramadan because it was the favourite of Terengganu folk during the breaking of fast.

"Apart from its delicious taste, watermelon juice restores energy after fasting a whole day.

"What's unique in Terengganu is that its people eat watermelon as a salad with rice.

"Demand for watermelon has gone up by 20% seven days into Ramadan," said Fauzilah, who sells the fruit at RM3 a kg. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Menteri akui harga ayam naik kerana peningkatan kos makanan



Mengakui berlaku peningkatan harga ayam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, peningkatan kos makanan ternakan ayam yang diimport adalah antara penyebab utamanya.

Berikutan itu, katanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pemilik ladang ayam besar di negara ini, serta perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bagi membolehkan penetapan harga ayam standard dilaksanakan.

Hasilnya, harga ayam standard ditetapkan pada harga RM7.90 dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021, yang akan bermula Rabu ini sehingga 20 Mei, berbanding RM7.50 pada SHMMP Hari Raya Puasa 2020.

“Terdapat pelbagai faktor kenaikan harga ayam, tetapi yang paling ketara peningkatan kos makanan ternakan ayam sejak Januari tahun ini, iaitu jagung dan soya yang diimport dari luar negara,” katanya dalam sidang media mengumumkan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 di kementeriannya, di sini hari ini.

SHMMP Hari Raya Puasa 2021 selama 30 hari iaitu 22 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan tujuh hari selepas hari perayaan, melibatkan 12 jenis barangan membabitkan empat kategori iaitu ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Nanta berkata, kawalan harga dilaksanakan di setiap peringkat rantaian pengedaran ayam, iaitu peringkat ladang, borong dan runcit, bagi mengekang kenaikan harga ayam yang berlebihan.

“Penetapan ini tidak membebankan peniaga, kerana setiap rantaian pengedaran ayam tersebut telah mendapat keuntungan masing-masing,” katanya yang berharap penetapan harga ayam itu mengurangkan rungutan rakyat, berhubung isu kenaikan harga terutama ayam yang merupakan sumber protein yang mudah diperolehi.

Beliau berkata kawalan harga ayam itu hanya melibatkan ayam hidup, ayam standard dan ayam super sahaja, semasa musim Perayaan Hari Raya Puasa.

“Harga bagi bahagian ayam yang telah dipotong tidak kawal, contohnya dada, kaki dan paha,” katanya.

Nanta memberi amaran agar harga ayam atau barangan lain tidak dinaikkan melebihi harga yang telah ditetapkan dalam SHMMP Hari Raya Puasa 2021.

“Kita galakkan mereka untuk jual dengan harga lebih murah daripada yang telah ditetapkan dalam SHMMP Hari Raya Puasa 2021.

“Sekiranya ada yang menaikkan harga barangan, kita akan ambil tindakan nasihat terlebih dahulu dan sekiranya mereka tetap berdegil, tindakan undang-undang akan diambil,” katanya.

Semalam, Nanta dilaporkan berkata, KPDNHEP telah mengeluarkan 24 notis kepada pemborong yang disyaki mencatut dalam Operasi Antipencatutan 8.0 (Ops Catut 8.0) selama dua hari, bermula 15 April di seluruh negara.

Ops Catut 8.0 yang dilaksanakan, susulan kenaikan mendadak harga ayam yang dikesan baru-baru ini juga, turut mengeluarkan 16 notis kepada penternak atas kesalahan sama.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Harga ayam naik: KPDNHEP berunding dengan MAFI tambah permit import



harga di pasaran.

KPDNHEP akan mengadakan rundingan dengan MAFI bagi membincangkan penambahan permit import ayam bagi mengawal harga di pasaran. - NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA TERENGGANU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan rundingan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membincangkan penambahan permit import (AP) ayam bagi mengawal

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata langkah itu diyakini mampu menyelesaikan masalah kenaikan harga haiwan ternakan itu, terutama ketika musim perayaan.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius mengenai isu kenaikan harga ayam dan akan mencari penyelesaian bagi mengatasinya supaya pengguna tidak teraniaya.

"Apabila AP masuk, maka akan berlaku lambakan ayam dan pihak kita (KPDNHEP) akan kembali kepada formula permintaan dan penawaran.

"Selepas bekalan ayam banyak, permintaan akan berkurangan seterusnya harga akan menjadi murah. Pihak kementerian akan mengadakan perbincangan dengan MAFI berhubung perkara ini dalam tempoh terdekat," katanya selepas melakukan tinjauan harga dan bekalan barangan keperluan di Pasar Chabang Tiga, di sini, hari ini.

Rosol (tiga dari kanan) meninjau harga ayam yang dilaporkan meningkat sehingga RM10 sekilogram ketika melakukan tinjauan di Pasar Chabang Tiga hari ini. - Foto NSTP/Ghazali Kori



BH semalam melaporkan, kenaikan harga makanan ternakan, iaitu soya dan jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil dikenal pasti antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam dalam pasaran.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata analisa awal mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Dalam pada itu, Rosol berkata sebanyak 42 notis dikeluarkan kepada pemborong, penternak dan pengeluar sehingga semalam.

"Semua notis itu dikeluarkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, dengan sejumlah 25 notis kepada pemborong, manakala 17 lagi kepada penternak dan pengeluar ayam," katanya.

Kerajaan timbang keluar AP ayam

KUALA TERENGGANU:

Kerajaan bersedia menaikkan permit import (AP) membawa masuk bekalan ayam ke negara ini untuk menstabilkan harga sekiranya penternak masih berdegil meletakkan harga tinggi ternakan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menegaskan, pemberian AP kepada pengimport yang berminat diyakini mampu menyelesaikan masalah harga yang melambung tinggi ketika ini.

Beliau berkata, perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan diadakan segera untuk memuktamadkan cadangan berkenaan.

"Pengeluaran AP akan dilaksanakan jika penternak masih berdegil dan menanggung di air keruh.

"Lambakan ayam import akan menstabilkan semula harga sekali gus memberi kesan baik kepada pengguna," katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau harga barang di Pasar Cabang Tiga di sini, semalam.

Menurut Rosol, tinjauannya mendapati harga ayam mencecah RM10 sekilogram dan beliau menjangkakan mungkin berlaku lagi kenaikan sekiranya tiada sebarang tindakan diambil.

Beliau berkata, pihaknya juga akan memantau situasi sebenar di ladang-ladang sama ada kenaikan harga ayam disebabkan harga makanan ternakan dan bukan untuk mengaut keuntungan.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan kenaikan harga bahart mentah terutama ayam di seluruh negara berikutan alasan pembekal terpaksa membeli pada harga yang mahal daripada penternak.

Walaupun pihak berkuasa beberapa negeri telah memberikan amaran masih terdapat pemborong atau pembekal serta peniaga di seluruh negara yang tetap menaikkan harga ayam.

20/4/2021

NST

NEWS/NATION

8

JALAN SARA SARI 8, BUKIT MELAKA, 75000 MELAKA, NEGERI SEMBILAN

8 | NEWS / Nation

APRIL 21 TO MAY 20

12 ITEMS UNDER PRICE CONTROL

Price monitoring will be done by various agencies, and errant traders can be fined up to RM100,000

TEH ATHIRA YUSOF
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE government is clamping down on attempts to raise the prices of essential items under the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHAMP), starting from tomorrow to May 20.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the scheme would be enforced on 12 essential items, including chicken, eggs, meat and seafood for 22 days before Hari Raya Aidilfitri and seven days after the festival.

"It (the scheme) also sends a message to the relevant parties including suppliers and retailers that the government has the power to implement the Price Control and Anti-Profitsteering Act 2011, at any time and can control prices for the people's sake," he said yesterday.

Nanta Linggi said the ceiling prices for producers, wholesalers and retailers were compatible with the current cost and price trends.

"The price monitoring data at the district level nationwide for last year and from January to April this year is being collected on a weekly basis.

"Numerous opinions and views have been gathered from relevant government agencies such as the Agriculture and the Veterinary Services departments and the Federal Agricultural Marketing Authority."

Nanta Linggi said the prices for each state were based on the market price by factoring in needed adjustments, especially on imported goods which were affected by the foreign exchange rate and the increase in the utility costs of farmers.

He also said the increase in prices for chicken, for example, was due to costly feed.

The 12 items listed under the Hari Raya Aidilfitri 2021 SHAMP are:

- Live chicken priced at RM6.30 per kg for wholesale or RM6.50 per kg for retail in the peninsula;

- Standard chicken (including slaughtered and cleaned without head, feet, heart and liver or any parts) at RM7.10 per kg (wholesale) and RM7.90 per kg (retail) in the peninsula;

- Super chicken at RM7.90 per kg (wholesale) and RM8.70 (retail) in the peninsula;

- Local beef - ceiling price in the peninsula at RM32 per kg (wholesale) and RM34 per kg (retail); in Sabah at RM24.50 per kg



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry personnel checking chicken prices at a market in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASTRAF HANIZAH

enforcement officers, but also by collaborating with various agencies such as those under the Rakan KPDNHEP programme (formerly known as Skwad Pengawasan), which would become its eyes and ears on the ground.

Nanta Linggi said those found selling controlled items at a higher price would be served with a notice under Section 21 of the Price Control and Anti-Profitsteering Act 2011.

Traders can also face a fine of up to RM100,000 or a jail term of up to three years, or both, or pay a compound of up to RM50,000 if found guilty of profiteering.

Companies could also be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000 if found guilty.

For not displaying pink price tags, traders can be fined up to RM10,000 or compounded up to RM5,000; while companies can be penalised up to RM20,000 or compounded RM10,000.

Nanta Linggi advised traders and companies to adhere to the price control scheme.

The ministry has also created a public complaints team called Skwad Tindak Aduan Rakyat (Star) in efforts to address issues



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

effectively.

The public can also lodge complaints on the scheme via the ministry's portal, e-aduan@kpdnhep.gov.my; or by calling the hotline 1800-886-800 or its Enforcement Command Centre 03-8882 6245/6088; or via WhatsApp at 019-2794317; or using the Ez.Adu smartphone application.

The graphic for the controlled prices on essential items can be found at <https://online.fupitmls.com/vqilr/ukti/#p=4>.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Kerajaan ancam tambah import ayam

Timbalan Menteri beri kata dua kepada penternak, pembekal ayam



ROSOL meninjau harga ayam di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.

KERAJAAN bercadang untuk menambah permit import (AP) ayam jika golongan penternak masih berdegil untuk menurunkan harga barang basah itu yang kini dijual sehingga RM10 sekilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, cadangan itu sedang dibincangkan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Lambakan ayam import ini akan meningkatkan penawaran sekali gus dapat menstabilkan semula harga," katanya.

- LAPORAN PENUH DI MUKA 2

12 barangan kawalan Aidilfitri diumumkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 akan dikuat kuasa bermula 21 April hingga 20 Mei depan sebagai langkah menyekat kenaikan harga barangan keperluan semasa bulan Ramadan dan menjelang Aidilfitri pada 13 Mei depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, tempoh penguatkuasaan skim itu selama 30 hari iaitu 22 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan tujuh hari selepas hari perayaan.

"Skim ini dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Sebanyak 12 jenis barangan bagi pelaksanaannya. Kategori barangan harga terkawal itu terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan

hasil laut.

"Pelaksanaan skim ini akan memberi kesan kepada barangan makanan sedia ada seperti nasi ayam, ayam golek, kulh-mulh dan lain-lain juadah terbuka puasa yang berasaskan ayam, telur ayam dan hasil laut," katanya pada sidang akhbar di kementerian ini di sini semalam.

Beliau memberitahu, sebanyak 12 jenis barangan itu antaranya melibatkan ayam hidup, ayam standard, ayam super, daging lembu tempatan, daging kerbau import, telur gred A, B dan C, ikan kembung, ikan selayang serta ikan tongkol.

"Ini adalah senarai awal kerana terdapat kira-kira 20 barangan lain yang belum disenaraikan dan ia akan diumumkan apabila perayaan semakin hampir.

"Tujuan kita mengumumkan 12 barangan ini adalah yang berbentuk kritikal bagi melind-



ALEXANDER NANTA

ungi kepentingan pengguna," ujarnya.

Alexander berkata, peniaga

yang sengaja menaikkan harga dengan niat untuk membuat keuntungan berlebihan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2018.

Menurutnya, notis di bawah Seksyen 21 akta sama turut akan dikeluarkan dan dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak bagi mendapatkan penjelasan.

Bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh dikenakan denda RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun maksimum RM250,000 jika sabit kesalahan.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (Semenanjung)

Kategori	Harga Runcit (RM/Kg/Biji)
• Ayam Hidup	6.80
• Ayam Standard	7.90
• Ayam Super	8.70
• Telur Ayam Gred A	0.36
• Telur Ayam Gred B	0.35
• Telur Ayam Gred C	0.34
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import (Sarawak sahaja)	27
• Daging Kerbau Import (India)	20
• Ikan Kembung/Mabung	15
• Ikan Aya/Tongkol (Pahang, Terengganu, Kelantan sahaja)	10
• Ikan Selayang	12

Penternak diberi kata dua, KPDNHEP jalankan siasatan di ladang dan pembabitian kartel

'Turun harga atau kami import ayam'

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF

KUALA TERENGGANU – Kerajaan bercadang untuk memnambah permit import (AP) ayam sekiranya golongan penternak masih berdegi untuk menurunkan harga barang basah itu yang kini dijual sehingga RM10 sekilogram di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sedang berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang menguruskan AP tersebut.

Menurutnya, langkah itu penting sebagai jalan penyelesaian dalam mengatasi kenaikan harga ayam secara mendadak sejak kebelakangan ini yang membeban-



ROSOL (kiri) meninjau harga ayam di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam. – PUQTRA HAIRRY ROSLI

kan pengguna terutama menjelang musim perayaan.

"Penambahan AP ayam akan dilaksanakan jika golongan penternak masih berdegi (untuk menurunkan harga) dan menanggung di air yang keruh.

"Syarikat pemegang AP boleh import ayam untuk memenuhi permintaan. Lambakan ayam

import ini akan meningkatkan penawaran sekali gus menstabilkan semula harga," katanya selepas meninjau harga barangan keperluan di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Rosol berkata, dalam tinjauannya itu, beliau mendapati, harga ayam di pasaran rata-rata sudah mencecah RM10 sekilogram dan

tidak menolak kemungkinan akan berlaku lagi kenaikan jika tiada tindakan diambil.

Katanya, setakat ini sebanyak 42 notis kompaun telah dikeluarkan terhadap 25 pemborong dan 17 penternak di seluruh negara kerana menaikkan harga ayam secara tidak munasabah.

"Saya menerima banyak

aduan daripada peniaga tentang kenaikan itu disebabkan harga tinggi yang dikenakan pembekal, namun pembekal pula mendakwa mereka beli ayam pada harga tinggi dari ladang," ujarnya.

Namun, katanya, pihak penguatkuasaan akan menyiasat alasan terpaksa menaikkan harga berikutnya dedak semakin mahal.

"KPDNHEP akan menyiasat sendiri ke ladang-ladang bagi memastikan kebenaran dakwaan itu atau ia sekadar manipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk mendapat lebih untung," katanya.

Rosol memberitahu, pihaknya akan menyiasat kemungkinan wujudnya pembabitian kartel dalam industri bekalan ayam di negara ini sehingga harganya seolah-olah dimanipulasi terutama ketika musim perayaan.

"Harga makanan naik sekali sahaja, tetapi harga ayam pula naik sampai tiga kali dalam tempoh seminggu, ini ada sesuatu yang tidak kena dan kami akan siasat," ujarnya.

Pada 14 April lalu, Kosmo! melaporkan keluhan kebanyakan pengguna di beberapa negeri ekoran kenaikan harga ayam secara mendadak yang mencecah RM10 sekilogram sehingga menimbulkan keresahan mereka.



KERATAN Kosmo! 14 April 2021.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN


MUKA
SURAT

20/4/2021

UTUSAN
MALAYSIA

MUKA DEPAN

1



Ayam mahal

SETIAP kali ketibaan Ramadan dan menjelang perayaan, rakyat mula keluh-kesah apabila terpaksa berdepan dengan kenaikan harga barang seperti sayur, ayam dan daging. Tinjauan di Pasar Basah Keramat, Kuala Lumpur semalam mendapati harga ayam segar proses dijual pada RM9.50 sekilogram. - UTUSAN/
FARIZ RUSADIO

Sekat kenaikan kos barangan semasa Ramadan dan Aidilfitri

Kawalan harga diawalkan

Oleh SITI AISYAH SUKAIMI
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 akan dikuatkuasakan lebih awal dalam tempoh lebih panjang bermula 21 April hingga 20 Mei ini.

Tempoh penguatkuasaannya selama 30 hari iaitu 22 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan tujuh hari selepas hari perayaan berbanding pelaksanaan 15 hari sahaja sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, langkah itu untuk menyekat kenaikan harga barangan keperluan semasa Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Katanya, ia juga langkah mengawal kenaikan mendadak harga ayam yang berlaku ketika ini *menerusi aduan daripada pengguna.

"Skim ini dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Sebanyak 12 jenis barangan bagi pelaksanaannya, manakala kategori barangan harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

"Pelaksanaan skim ini juga akan memberi kesan kepada lain-lain barangan makanan sedia ada masak seperti nasi ayam, ayam golek, kuih-muih dan lain-lain juadah terbuka puasa yang berasaskan ayam, telur ayam dan hasil laut," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Utusan Malaysia melaporkan kebimbangan rakyat yang terbeban sekali lagi dengan peningkatan harga runcit barangan di seluruh negara ketika permulaan sambutan Ramadan.

Ia dipercayai berpunca daripada tindakan pengeluar dan 'orang tengah' yang cuba memanipulasi harga untuk mendapatkan keuntungan amat luar biasa sejak setahun lalu.

Beliau berkata, 12 jenis barangan tersebut melibatkan ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal) dan ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal).

"Seterusnya, daging lembu tempatan (harga maksimum di Semenanjung dan Sabah sahaja), daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja)



ALEXANDER Nanta Linggi menunjukkan senarai harga kawalan semasa mengumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

serta daging kerbau import (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Labuan sahaja).

"Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram (g) hingga dan 69.9 g sebiji), telur ayam gred B (berat antara 60.0 g hingga 64.9 g sebiji) serta telur ayam gred C (berat antara 55.0 g hingga 59.9 g)," katanya.

Tambah beliau, untuk jenis ikan membabitkan ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara tujuh ekor hingga 10 ekor setiap sekilogram), ikan selayang (berat antara tujuh ekor hingga 10 ekor setiap sekilogram) dan ikan aya atau tongkol (berat antara satu ekor hingga dua ekor setiap kilogram).

"Ini baru peringkat awal dan ada lagi kira-kira 20 barangan lain yang belum disenaraikan serta akan diumumkan apabila dekat dengan perayaan nanti. Tujuan kita mengumumkan 12 barangan ini adalah yang berbentuk kritikal," katanya.

Alexander berkata, peniaga yang sengaja menaikkan harga tanpa alasan munasabah dengan niat untuk membuat keuntungan berlebihan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018.

Katanya, notis di bawah Seksyen 21 Akta turut dikeluarkan dan dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak bagi mendapatkan penjelasan.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2021

NEGERI/BARANGAN	HARGA	
	BORONG	RUNCIT
AYAM HIDUP (kg)		
Semenanjung:	RM6.30	RM6.80
Langkawi	RM6.80	RM7.30
AYAM STANDARD (kg)		
Semenanjung	RM7.10	RM7.90
Langkawi	RM7.60	RM8.40
AYAM SUPER (kg)		
Semenanjung	RM7.90	RM8.70
Langkawi	RM8.40	RM9.20
TELUR AYAM GRED A (65.0 g sebiji)		
Semenanjung dan Langkawi:	RM0.34	RM0.36
TELUR AYAM GRED B (60.0-64.9 g sebiji)		
Semenanjung dan Langkawi	RM0.33	RM0.35
TELUR AYAM GRED C (55.0 g-59.9 g sebiji)		
Semenanjung dan Langkawi:	RM0.32	RM0.34
DAGING LEMBU TEMPATAN (kg)		
Semenanjung	RM32.00	RM34
DAGING KERBAU IMPORT (INDIA) (kg)		
Semenanjung	RM18	RM20
IKAN KEMBUNG TERMASUK IKAN MABUNG (kg)		
Semenanjung	RM13	RM15
IKAN AYAM ATAU IKAN TONGKOL (kg)		
Negeri Pahang	RM8	RM10
Terengganu dan Kelantan		
IKAN SELAYANG (kg)		
Semenanjung	RM10	RM2

Monopoli pembekal simpan stok punca harga naik

Johor Bahru: Kenaikan harga daging dan ayam di pasaran dipercayai dimonopoli pembekal yang menyimpan stok barangan basah itu sehingga membebankan, khususnya kalangan peniaga.

Peniaga daging, Mohd Nadri Ahmad, 41, mendakwa sejak awal tahun hingga kini, harga daging akan meningkat pada setiap minggu antara 80 sen hingga RM2.

"Sejak isu kartel daging itu, harga yang ditetapkan pembekal naik sehingga 30 peratus. Kadang-kadang dalam masa seminggu sahaja ia naik tiga hingga empat kali.

"Saya sudah meniaga lebih enam tahun, setiap tahun harga akan naik. Pembekal menyimpan stok, apabila raya mahu tiba, baru mereka akan mengagihkan sedikit-sikit kepada peniaga.

"Setiap bahagian daging dijual pada harga berbeza. Misalnya, untuk kategori daging sejuk beku bagi bahagian tulang selalunya dijual pada harga RM16 sekilogram (kg), berbanding kini RM20/kg, manakala paru pula RM14/kg berbanding kini RM18/kg," katanya ketika ditemui di pasar basah Larkin di sini, semalam.

Mohd Nadri berkata, bagi bahagian daging sejuk beku dahulunya dijual pada RM20/kg berbanding kini RM24/kg, manakala daging segar dahulunya antara RM26 hingga RM37/kg, berbanding kini dijual RM40/kg.

"Bahagian ekor pula dijual pada harga RM26, berbanding kini di antara RM34 hingga RM35.

"Permintaan terhadap barangan basah sama ada ayam malupun daging tetap ada, namun pada masa sama pelanggan tetap ragu mengenali status halal," katanya.

Bagi peniaga ayam, Shahrhan Osman, 54, harga ayam standard kini dijual RM9.60/kg, berbanding hanya RM9.20/kg yang dijual pada Sabtu lalu.

Katanya, harga yang ditetapkan dari penternak atau pembekal tidak menentu, namun ia tidak akan menaik secara mendadak sebaliknya ia antara 20 sen hingga 40 sen.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro, berkata sehingga kini, tindakan susulan terhadap 26 notis yang dikeluarkan pihaknya pada Sabtu lalu (17 April), masih dalam siasatan.

"KPDNHEP akan bagi tempoh kepada peniaga untuk mengemukakan dokumen supaya siasatan dapat dijalankan termasuk hingga di peringkat pembekalan yang secara tidak langsung meliputi rantaian pengedaran," katanya.

12 jenis barang di bawah harga musim perayaan

Empat kategori produk terbabit skim bermula esok selama 30 hari

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan 12 jenis barang termasuk ayam dan telur serta daging diletakkan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021, bermula esok.

Tempoh kuat kuasa SHMMP bagi harga borong dan runcit itu pula berlangsung selama 30 hari, iaitu 22 hari sebelum dan tujuh hari selepas perayaan yang dilaksanakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata senarai 12 barang dengan SHMMP itu memabitkan empat kategori iaitu, ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Kategori ayam memabitkan ayam hidup; ayam standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya) serta ayam super (dise-

belih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal).

Harga runcit ayam standard di Semenanjung tidak termasuk Langkawi, ditetapkan maksimum RM7.90 sekilogram (kg), manakala ayam super pada harga RM8.70.

Kategori daging pula memabitkan daging lembu tempatan RM34 sekilogram (harga maksimum di Semenanjung dan Sabah sahaja); daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja) dan daging kerbau import RM20 sekilogram (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja).

Kategori telur ayam memabitkan telur ayam gred A 36 sen (berat antara 65 gram (g) hingga dan 69.9g sebiji); telur ayam gred B 35 sen (berat 60g hingga 64.9g sebiji) dan telur ayam gred C 34 sen (berat antara 55g hingga 59.9g sebiji).

Kategori hasil laut ialah ikan kembung termasuk ikan mabung RM15 sekilogram (berat 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram); ikan selangy RM12 sekilogram (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram) dan ikan aya atau tongkol RM10 sekilogram (berat antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap kilogram).

"Harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang ditentukan bersesuaian dengan kos semasa dan trend harga semasa," katanya.

SHMMP itu dilaksanakan sebagai langkah menyekat kenaikan harga keperluan ketika Ramadan dan menjelang Aidilfitri

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Katanya, SHMMP itu dilaksanakan sebagai langkah menyekat kenaikan harga keperluan ketika Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Jumlah barang ditambah dari semasa ke semasa menjelang Aidilfitri dan dijangka lebih 20 barang utama akan diumumkan.

"Pengumuman 12 barang ini susulan berlaku peningkatan harga mendadak sejak kebelakangan ini," katanya di sini, semalam.

Alexander berharap skim berkenaan akan memberi mesej kepada pengeluar, pemborong dan peruncit, selain menegaskan kerajaan mempunyai kuasa di bawah akta terbabit dan boleh melaksanakan kawalan harga demi kepentingan rakyat.

"Ingin diingatkan tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan bawah skim ini," katanya sambil menambah peniaga

yang melakukan kesalahan berkenaan boleh diambil tindakan bawah Akta Kawalan Harga dari Antipencatutan 2011 serta dikenakan penalti.

Bagi kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum, katanya, individu terbabit boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000.

Alexander berkata, pihak syarikat yang melakukan kesalahan berkenaan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000.

"Kegagalan meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal itu menyebabkan pihak terbabit didenda sehingga RM10,000 atau dikompau sehingga RM5,000, manakala syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompau sehingga RM10,000," katanya.

Bincang tambah permit import ayam

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan rundingan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, bagi menambah permit import (AP) ayam dan meningkatkan bekalan, seterusnya menurunkan harga dalam pasaran.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid, berkata langkah itu diyakini mampu menyelesaikan masalah kenaikan harga haiwan ternakan itu, terutama ketika musim perayaan.

Bellau berkata, pihaknya memandang serius mengenai isu kenaikan harga ayam dan akan mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasinya supaya pengguna tidak teraniaya.

"Apabila AP masuk, akan berlaku lambakan ayam dan pihak Kementerian akan kembali kepada formula permintaan

dan penawaran.

"Selepas bekalan ayam banyak, permintaan akan berkurangan seterusnya harga akan menjadi murah. Kita akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, mengenai perkara ini dalam tempoh terdekat," katanya selepas melakukan tinjauan harga dan bekalan barang keperluan di Pasar Cahang Tiga, di sini, semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata, pemantauan awal mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Dalam pada itu, Rosol berkata, sebanyak 42 notis dikeluarkan kepada pemborong, penternak dan pengeluar sehingga kelmarin.



Rosol (kanan) meninjau harga ayam di Pasar Cahang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

12 barangan kawalan sempena Aidilfitri

KPDNHEP keluaran senarai awal bagi persediaan rakyat menyambut musim perayaan

Oleh TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenal pasti sebanyak 12 jenis barangan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, barangan harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

"Ia senarai awal yang dikeluarkan oleh kementerian bagi barangan kritikal yang mengalami kenaikan harga pada kebelakangan ini," katanya ketika sidang akhbar di kementerian-nya di sini pada Isnin.



Alexander (tengah) menunjukan senarai harga kawalan semasa mengumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 di KPDNHEP pada Isnin. Hadir sama, Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid (kanan) dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Alexander berkata, pihaknya akan mengeluarkan pertambahan senarai harga barangan terkawal menjelang Aidilfitri.

"Kita mungkin akan menyenaraikan 20 barangan SHMMP demi kepentingan pengguna," kata beliau.

Beliau berkata lagi, sejumlah 12 barangan SHMMP itu membabitkan ayam hidup, ayam standard, ayam super, daging lembu tempatan, daging lembu import, telur ayam gred A, B dan C, ikan kembung termasuk ikan mabung, ikan selang dan ikan tongkol.

"Walaupun perayaan disambut secara sederhana mengikut prosedur operasi standard (SOP), permintaan terhadap barangan semasa perayaan tetap ada dan dijangka meningkat berbanding semasa sebelum Ramadan dan menjelang Aidilfitri yang akan disambut pada 13 Mei depan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, SHMMP 2021 akan dikuatkuasakan bermula 21 April hingga 20 Mei depan.

"Skim ini akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," kata beliau.

BARANGAN KAWALAN AIDILFITRI 2021

Barangan	Harga maksimum
(1) Ayam hidup	RM6.80
(2) Ayam standard (disebelah dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal)	RM7.90
(3) Ayam super (disebelah dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)	RM8.70
(4) Daging lembu tempatan	RM34.00
(5) Daging lembu import (Sarawak sahaja)	RM27.00
(6) Daging kerbau import dari India	RM20.00
(7) Telur ayam gred A	0.36 sen sebij
(8) Telur ayam gred B	0.35 sen sebij
(9) Telur ayam gred C	0.34 sen sebij
(10) Ikan kembung termasuk ikan mabung	RM15.00
(11) Ikan selang	RM12.00
(12) Ikan aya/tongkol (Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja)	RM10.00

Alexander menjelaskan, harga maksimum pengeluaran, borong dan runcit yang ditentukan adalah bersesuaian dengan kos semasa dan trend harga semasa.

"Penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa.

"Ia mengambil kira faktor perubahan harga khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penjernakan," katanya.

Menurutnya, penentuan harga maksimum pengeluaran, borong dan runcit pula berdasarkan kepada maklumat harga pemantauan di semua daerah seluruh negara.

"Ia berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan

secara mingguan oleh KPDNHEP mengambil kira pandangan iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya.

Tegasnya, KPDNHEP turut mengadakan libat urus bersama pemain industri daripada pengeluaran, pengimport, pembekal dan pemborong barangan tersebut.

"Peniaga yang menaikkan harga tanpa alasan munasabah dengan niat membuat keuntungan tinggi berlebihan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018," kata beliau.

Harga ayam standard RM7.90 sekilogram

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga ayam standard pada RM7.90 sekilogram.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kenaikan lima peratus daripada harga asal RM7.50 sekilogram berlaku selepas perbincangan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kerajaan juga mengambil kira maklum balas daripada pengeluar, pemborong dan peruncit bagi penetapan harga ini," katanya pada Isnin.

Menurutnya, kenaikan harga itu disebabkan peningkatan kos makanan ternakan ayam iaitu ja-



Pelanggan memilih ayam ketika tinjauan di Pasar Chabang Tiga, Terengganu pada Isnin. Harga ayam segar dijual pada harga RM10 sekilogram.

gung dan soya sejak Januari lalu yang diimport.

"Pasukan penguatkuasaan kita mengesan terdapat kenaikan harga deda ayam yang diimport. Ia fakta," katanya.

Jelasnya, kawalan harga dilaksanakan di setiap

peringkat rantaian pengedaran ayam iaitu peringkat ladang, borong dan runcit.

Sebelum ini, pengguna merungut selepas mendapati harga ayam mengalami peningkatan mendadak dan dijual sehingga RM10 sekilogram.

KPDNHEP bincang tambah AP dengan MAFI

KUALA TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhubung penambahan pengeluaran Permit Import (AP) bekalan ayam.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, pengeluaran AP dilihat mampu menstabilkan harga ayam di pasaran sekali gus menyelesaikan masalah kenaikan harga sumber protein itu pada setiap musim perayaan.

Menurutnya, langkah penyelesaian itu mengambil kira formula penawaran dan permintaan terhadap sesuatu barangan.

"AP akan selesaikan masalah kerana syarikat pemegang boleh mengimport ayam dari luar bagi memenuhi permintaan pelanggan.

"Bila bekalan ayam banyak akan berlaku lambakan dan harga jadi murah.

"Ini (pemberian AP) satu cadangan yang baik dan kita akan bincang dengan MAFI kerana AP ayam di bawah bidang kuasa MAFI," katanya selepas meninjau harga dan bekalan barang keperluan harian di pasar Chabang Tiga di sini pada Isnin.

Tinjauan itu dilakukan selepas menerima rungutan daripada pengguna yang mendakwa harga ayam naik mendadak antara 30 sen hingga 40 sen sejak minggu lalu sehingga mencecah RM10 sekilogram.

Selain ayam, harga barang mentah lain seperti daging dan sayur juga dilaporkan meningkat.

Rosol berkata, sehingga kini sebanyak 42 notis sudah dikeluarkan kepada pemborong, penternak dan pengeluar ayam.

Mengulas wujudnya pembabitkan karnel dalam industri bekalan ayam hingga harga dimanipulasi khususnya setiap kali musim perayaan, Rosol berkata, perkara itu akan disiasat.

Pertimbang laksana awal SHMMP demi kepentingan umum

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertimbangkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) lebih awal bagi memastikan hak pengguna terjamin.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, SHMMP yang dilaksanakan bermula 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-



Skim ini ada setiap masa, cuma kali ini ada cadangan ia diawalkan berikutan kenaikan barangan seperti ayam, daging dan sayur"

Rosol

penjualan 2011 (dahulu Akta Kawalan Harga 1946) itu bertujuan menyekat kenaikan harga barangan keperluan ketika musim perayaan.

Beliau berkata, skim kawalan harga itu dilaksanakan pada setiap musim perayaan iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

"Kita memang buat harga syiling mabbatikan barang

keperluan seperti ayam, daging, telur dan minyak pada enam perayaan utama.

"Skim ini ada setiap masa, cuma kali ini ada cadangan ia diawalkan berikutan kenaikan beberapa barangan keperluan harian seperti ayam, daging dan sayur."

"Jadi, kita akan kaji kebaikan dan keburukan jika mengadakan skim ini lebih awal, namun saya beri jaminan tindakan ini akan beri kesan terbaik kepada peng-

guna di Malaysia," katanya ketika melakukan tinjauan harga dan bekalan barangan keperluan pengguna di Pasar Chabang Tiga, semalam.

Mengulas mengenai kemungkinan wujudnya pembabitkan kartel susulan kenaikan harga ayam ketika ini, Rosol berkata, pihaknya akan membuat siasatan lanjut berhubung perkara itu.

Katanya, pihak penjual memaklumkan mereka mendapat harga tinggi da-

ripada ladang dengan alasan harga makanan.

"Peladang bagi alasan harga makanan tinggi, tetapi secara logiknya tidak mungkin harga makanan naik setiap hari.

"Jadi kita akan dapatkan harga di ladang untuk lihat sama ada betul atau tidak ia ada kaitan dengan kenaikan harga makanan atau mungkin dimanipulasi pihak tertentu demi mendapatkan keuntungan lebih," katanya.

Pembekal simpan stok barang basah

Johor Bahru: Perbuatan monopoli oleh pembekal yang menyimpan stok barangan basah didakwa punca kenaikan harga daging dan ayam di pasaran sehingga turut membebankan peniaga.

Peniaga daging, Mohd Nadzri Ahmad, 41, mendakwa sejak awal tahun hingga kini, harga daging akan meningkat pada setiap minggu antara 80 sen dan RM2.

"Sejak isu kartel daging didedahkan, harga yang ditetapkan pembekal naik sehingga 30 peratus. Kadang dalam masa seminggu sahaja ia naik tiga hingga empat kali.

"Saya sudah berniaga lebih enam tahun dan setiap tahun harga akan naik, pembekal menyimpan stok kemudiannya bila mahu tiba hari raya, baru akan mengagihkan kepada peniaga.

"Setiap bahagian daging dijual pada harga berbeza. Contoh, untuk kategori daging sejuk beku bagi bahagian tulang selalunya dijual pada harga RM16 sekilogram berbanding kini RM20. Paru dulu RM14 kini RM18 sekilogram," katanya.

Mohd Nadzri berkata, daging sejuk beku dahulunya dijual pada RM20 dan kini RM24 sekilogram manakala daging segar dahulu antara RM36 hingga RM37 dan kini dijual pada harga RM40 setiap kilogram.

"Bahagian ekor pula dijual pada harga RM26, kini antara RM34 hingga RM35 sekilogram. Permintaan barangan basah sama ada ayam mahupun daging tetap ada, namun pada masa sama pelanggan tetap ragu mengenai status halal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, sehingga kini, tindakan susulan terhadap 26 notis yang dikeluarkan pihaknya pada Sabtu lalu (17 April), masih dalam siasatan.

"KPDNHEP akan bagi tempoh kepada peniaga untuk mengemukakan dokumen supaya siasatan dapat dijalankan termasuk hingga di peringkat pembekalan yang secara tidak langsung meliputi rantaian pendedahan," katanya.



PENIAGA menimbang ayam yang dipilih pelanggan di Pasar Keramat, Kuala Lumpur, semalam.

'Bukan sampai RM12'

Anggota KPDNHEP WPKL buat pantauan harga di Pasar Keramat

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
am@hmetro.com.my



ARIFFIN

Kuala Lumpur

"Tuan, cili mahal sikit" Itu aduan spontan pengunjung di Pasar Keramat semalam ketika sepasukan pegawai dan anggota dan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) melakukan pemeriksaan.

Aduan itu dibuat kepada Pengarah KPDNHEP WPKL Ariffin Samsudin yang sedang menjinjau di sebuah gerai di pasar berkenaan.

Bagaimanapun, ketika diminta memberikan maklumat lebih lengkap, pengadu wanita berkenaan tidak ma-

peniaga, malah pengguna diberi beberapa pilihan harga.

"Seperti kita tengok tadi, harga ayam antara RM8.50 hingga RM9.50 sekilogram, tidak ada sampai RM12 seperti tular di media sosial.

"Keseluruhannya saya berpuas hati dengan pemeriksaan ini kerana peniaga mematuhi arahan seperti meletakkan tanda harga dan tidak menaikkan harga sesuka hati.

"Aduan spontan seperti tadi itu pun kita terima. Tetapi saya minta supaya masyarakat tampil memberikan maklumat penuh bagi membolehkan penguatkuasaan kita mengambil tindakan," katanya.

Ariffin berkata, hasil pemeriksaan ke atas 53 premis didapati majoriti peniaga di pasar ini mematuhi pera-

turan serta perundangan yang berkuatkuasa.

Manakala lapan peniaga diberi amaran atas kesalahan kecil.

Menurutnya, menerusi Ops Pantau 2021 sebanyak 472 premis sudah diperiksa oleh KPDNHEP serta 88 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dikeluarkan kepada peniaga mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Penjualan (AKHAP) 2011.

"Notis berkenaan itu dikeluarkan kepada peniaga bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perubahan harga.

"Peniaga yang menerima notis ini diberi tempoh masa dua hari bagi memberi maklum balas dan menjelaskan mengapa barang jualan mereka mengalami kenaikan harga," katanya.

RINGKAS

Bakal bincang tambah AP ayam

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berunding dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi membincangkan penambahan permit import (AP) ayam bagi mengawal harga ayam di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu dilihat mampu menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam terutama ketika musim perayaan.

Katanya, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Mafi mengenai cadangan itu dalam masa terdekat.

"Apabila AP masuk akan berlaku lambakan ayam dan kita akan kembali kepada formula permintaan dan penawaran.

"Apabila bekalan ayam banyak, permintaan akan kurang seterusnya harga akan menjadi murah.

"Kita memandang serius isu kenaikan harga ini dan akan mencari alternatif bagi mengatasinya supaya pengguna tidak teraniaya," katanya ketika melakukan tinjauan harga dan bekalan barangan keperluan pengguna di Pasar Chabang Tiga, di sini, semalam.

Tuai 20,000 biji nanas cobek setahun

TUMPAT - Seorang petani tidak menyangka mampu menuai sebanyak 20,000 biji buah nanas cobek dalam musim menuai kali ini meskipun hanya mula berjinak-jinak dengan tanaman itu sejak lebih setahun lalu.

Mohd. Alida'em Ibrahim, 46, berkata, selain keenakan rasa nanas cobek, dia mula berminat untuk menanam buah itu atas tanah seluas dua hektar di Pulau Kerbau di sini, selepas melihat potensi tanaman tersebut.

Katanya, keistimewaan utama nanas cobek ialah kulitnya tidak perlu dikupas dan hanya perlu mencubit bahagian mata atau ruasnya dengan menggunakan jari untuk menikmati

buah itu.

"Tanaman nanas cobek mengambil masa 12 hingga 18 bulan untuk matang. Buahnya boleh dijual pada harga RM7 hingga RM10 sekilogram berbanding nanas biasa sekitar RM5 sekilogram," katanya ketika ditemui kelmarin.

Menurutnya, dia juga kini bekerjasama dengan pengusaha dan pembuat kuih tart nanas dengan menjadi pembekal kepada mereka untuk menghasilkan inti kuih berkenaan sempena Aidilfitri.

"Permintaan daripada pengusaha biskut amat memberangsangkan, malah ada yang sanggup datang sendiri di ladang saya untuk membeli nanas cobek," ujarnya.



MOHD. ALIDA'EM menunjukkan nanas cobek yang ditanam di ladangnya di Pulau Kerbau, Tumpat kelmarin.



BY
PROF
SAMUEL
KINGMAN

NEVER before has the contribution of science and engineering been at the forefront of people's minds as the rollout of vaccines in record time to address the Covid-19 pandemic across the world.

However, this is not the only issue facing the scientists and engineers of the world at the moment.

Global populations are predicted to rise to 9.8 billion people in 2050 and current agriculture production must be increased by 60% to provide food security to all people.

For the past decade, the number of people going hungry (estimated to be over 690 million) is on the rise and this is no longer an issue for only impoverished nations but also for the new cohort of urban poor.

In addition, according to the UN Food and Agriculture Organization (2019), a staggering three billion people globally cannot afford a healthy diet. Nutritious food is crucial for building health and enabling individuals to reach their full potential so that they can be contributing to society.

The accessibility of nutritious food has also been exacerbated by the onset of the Covid-19 pandemic. Therefore, it is important for us to understand global food security in more detail.

To understand food security, we need to find innovative ways to maximise agriculture output sustainably.

Although there has been an exponential increase in production, the choice of food has also significantly been reduced to mainly cereal crops and cattle, pigs and chicken for meat and dairy produce.

With the boom in mechanised industrial processes, food is also often heavily processed, leading to lack of nutrition in

The future of food security



As global populations are predicted to rise to 9.8 billion people in 2050, University of Nottingham Malaysia is striving to be greener and producing research that will lead to greater food security.

the diet, which in turn becomes a catalyst to food-related health risks such as cardiovascular disease, diabetes and obesity. There is no doubt that education is a key to a future of sustainable production and also consumption of nutritious food.

The University of Nottingham Malaysia is making a significant contribution to research in food and supply chain systems. A transdisciplinary approach is employed to combine expertise in biological sciences, nutrition, biomedical sciences, environmental sciences, chemical engineering and social sciences to form a beacon of excellence, the Future Food Malaysia Research Centre (UNM-FFM).

Established in 2019, the research centre is a research and education hub for food, which includes, genetic and breeding crop improvements, postharvest management of fresh produce, nutrition-centred food

processing techniques, new engineering equipment and machinery, farm and food waste management for bioenergy, digital data management, food culture and its impact on health status and socio-economy of food consumers.

Besides cutting-edge research, UNM-FFM is training more than 100 undergraduate and postgraduate students each year to support efforts to overcome food security issues in Malaysia and surrounding nations such as South-East Asia, the South Pacific Islands, India and Africa.

With increased food import budgets and mitigating natural disasters due to climate change, Malaysia is developing its own roadmap for food security with expertise from UNM-FFM providing evidence-based solutions.

With joint, collaborative and inclusive strengths of researchers, scientists and

security

"To understand food security, we need to find innovative ways to maximise agriculture output sustainably."

industry owners, Malaysia can achieve sustainable and circular economy for its food production and consumption.

As a world leader for sustainable palm oil production, Malaysia has 100 years of successful research and if this effort is translated to other food crops, Malaysia can be a true hub for food security in Asia.

When the Covid-19 pandemic broke out last year, crude oil prices plummeted to record lows. Between May and June 2020, oil prices have risen steadily to about US\$65 per barrel today. Likewise, the retail price of RON95 petrol in Malaysia on April 5 stood at RM2.05, which is similar to the price in pre-Covid-19 pandemic.

Demand for chemical / process / project engineers is again gaining momentum in the job market. Sectors such as water treatment, palm oil milling and refining, chemical production, environmental, health and safety, glove manufacturing, plating in electronic industry etc. need process engineers with strong backgrounds in chemical engineering, unit operations and manufacturing.

■ Prof Samuel Kingman is Interim provost and chief executive officer of University of Nottingham Malaysia and pro-vice chancellor of University of Nottingham, UK

Plant your veggies to save money

Association hands out 1,500 vegetable and herb saplings to residents

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

GROW your own vegetables and herbs and reap the rewards — that is the advice from Bukit Jelutong Residents Association (BJRA) president Datin Sivamani Rasiah, who says nothing tastes as good as home-grown vegetables and herbs for daily food preparation or as salads.

“Our garden of vegetables and herbs is free from pesticides. Getting involved in gardening does not require a lot of skills or space.

“You may have a small garden in a landed property or choose to plant in old containers on the apartment’s balcony. Either way, growing some chillies or tomatoes for your consumption is a rewarding experience,” said the home gardening advocate.

BJRA, the umbrella body for 24 precincts in Bukit Jelutong, held a simple gathering earlier this month at Jalan Pelapik B U8/B outside the association’s B1 Community Recycling Centre where 1,500 saplings of long brinjal, ladies’ fingers, chilli, cili padi, curry leaf and many other plants were given out



Sivamani (right) giving saplings to Nurulhuda Abdul Samad, 43, who plans to start a garden at her home in Bukit Jelutong.
— CHAN TAK KONG/The Star

to residents for free.

Sivamani added that the association wanted to encourage people to be active in growing vegetables — from replanting the sapling to harvesting the greens.

“Besides having fresh food, one gets to save money instead of buying from the market. One can also share the extra vegetables with the neighbours.

“Additionally, the carbon footprint produced with each drive to the market will be reduced, making it better for the environment,” she said.

Retiree Zakaria Talib, 60, who took home some chilli saplings, planted in a disposable cup, said he was excited to replant them in a pot and get active in gardening.

“I live in Bukit Jelutong and I

appreciate BJRA’s initiative in encouraging people to plant their own vegetables and herbs.

“I think it also greens the environment. It allows us to save money and reduce time spent on the road,” he said.

Retiree, Joe Au Yong, 63, said he chose the curry leaf, brinjals and chilli saplings as he had started a home garden.

“I drove from Subang Jaya to U8 Bukit Jelutong to get these saplings,” he added.

Shah Alam City councillor Izzuan Kasim, 30, who had sponsored 1,200 plant saplings, said he wanted to promote micro-farming to empower people to plant some of their food.

“I noticed at the onset of the Covid-19 pandemic in March 2020, that simple food items like chillies were hard to get at the market.

“If we get people to plant their own vegetables, it could be shared with friends and neighbours,” he said.

A member of the Bukit Jelutong Green Rangers Shalhzad Sultan, 47, said the giveaway of plants had been organised several times to promote environment consciousness among residents, care for nature and imparting knowledge on sustainable culture.

“Our B1 Green Rangers had given out 26 types of plants. We allowed people to take these plants using their own recyclable boxes and buckets to drive home the message to care for the environment,” he said.



DURIAN Chennai dari Thailand yang dijual mencecah harga RM100 sebiji di sekitar pekan Pasir Puteh semalam.

Rasa lebih tebal, manis berbanding durian lain

Durian Chennai cecah RM100 sebiji

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Peniaga buah-buahan di Pasir Siti Hajar di sini menjual durian Chennai yang dibawa masuk dari Thailand pada harga hampir mencecah RM100 sebiji.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, rata-rata peniaga menjual durian itu pada harga RM25 hingga RM45 sekilogram semalam.

Seorang penjual, Abdullah Ghani, 56, berkata, durian itu mula mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pem-

beli terutamanya pada bulan Ramadan.

Katanya, harganya mahal kerana bekalannya tidak banyak selain dia membeli jenis durian itu daripada pemborong pada harga yang agak mahal juga.

"Meskipun mahal, ada penggemar buah durian sanggup berhabis sebanyak RM300 untuk membeli buah jenis ini.

"Bagaimanapun, ada juga pelanggan yang membeli buah ini beberapa ulas sahaja untuk dimakan bersama budu dan ulam-ulaman," katanya ketika ditemui

Kosmo! semalam.

Seorang pembeli durian, Rosiah Ismail, 35, berkata, kadar harga yang sememangnya mahal itu tidak mematahkan hasrat pembeli untuk menikmati keenakan raja buah itu biarpun bukan ketika musim durian.

"Kebiasaannya, durian Chennai lebih tebal dan manis. Rasanya juga berbeza dengan durian tempatan.

"Harga bukan satu isu buat saya yang gemarkan buah ini, namun ia bergantung kepada kemampuan masing-masing," katanya.